

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI
PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

**SESI PEMUKIMAN PEMANTAPAN KEPIMPINAN
JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) TAHUN 2018**

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

MASA : 9.00 PAGI

**TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF
JABATAN PEGUAM NEGARA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Mulia Datuk Engku Nor Faizah binti Engku Atek

Peguan Cara Negara,

Yang Berbahagia Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan

Peguan Cara Negara II,

Yang Berbahagia Tan Sri / Datuk-Datuk / To' Puan Ketua-Ketua

Bahagian dan Ahli-Ahli Majlis Pakar Pelbagai Disiplin dan Pakar

Penasihat;

Yang Berhormat Dato' Sri / Datuk-Datuk / Tuan Penasihat-

Penasihat Undang-Undang Negeri;

Yang Berbahagia Datuk Hj. Rostam Affendi Bin. Dato' Hj. Salleh,

Ketua Pengarah Unit Khas Strategik, Jabatan Perdana Menteri,

selaku penceramah jemputan pada hari ini;

Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian;

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia Negaraku

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama mengatur syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala (SWT) kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini serta terima kasih diucapkan kepada Bahagian Pengurusan yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Roslan Mahmood, yang telah menyelaraskan Sesi Pemukiman Pemantapan Kepimpinan Jabatan Peguam Negara (AGC) Tahun 2018.

2. Sesi Pemukiman Pemantapan Kepimpinan Jabatan Peguam Negara (AGC) ini bertujuan untuk menjelaskan dasar-

dasar terkini Kerajaan berteraskan nilai-nilai murni perkhidmatan awam, meningkatkan semangat jati diri dan patriotisme penjawat awam, memantapkan kepimpinan dan tadbir urus, pengukuhan integriti serta meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab penjawat awam terhadap kepentingan untuk menyokong dasar-dasar Kerajaan.

3. Saya difahamkan bahawa pegawai AGC yang berada dalam dewan pada pagi ini adalah secara menyeluruh, iaitu terdiri daripada pegawai-pegawai gred L41 sehingga ke gred Jusa yang berkhidmat di Ibu Pejabat dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PUUN). Sebagai pegawai AGC, hadirin sekalian tidak semata-mata menjalankan tugas hakiki masing-masing, bahkan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perkara yang lebih kritikal khususnya berkaitan pelaksanaan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

4. Jadi, sebagai agen pelaksana bagi dasar Kerajaan, kita semua hendaklah mempunyai maklumat dan kefahaman yang

betul mengenai sesuatu dasar Kerajaan serta *the right mind-set* agar pelaksanaan dasar yang berkenaan itu dapat disempurnakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sebagaimana yang hadirin sekalian sedia maklum, Pilihan Raya Umum Kali Ke-14 akan diadakan tidak lama lagi. Suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semula tentang tanggungjawab sebagai pemilih dan pengundi. Tanggungjawab untuk memilih pemimpin atau pemerintah ini merupakan salah satu tuntutan dalam agama Islam yang banyak dinyatakan dalam Al-Quran dan hadis. Dalam Al-Quran, Allah SWT telah berfirman,

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu memberikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu berhukum di kalangan manusia maka hendaklah kamu berhukum dengan adil.

Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu.”

(Surah an-Nisa' ayat 58).

6. Berdasarkan kepada firman tersebut, kita perlu sadar bahawa undian itu membawa maksud bersetuju memberikan mandat kepada seseorang bagi sesuatu kepimpinan yang juga merupakan suatu amanah. Maka, sebelum mandat tersebut hendak diberikan, wajib kita memastikan sama ada seseorang itu berkelayakan atau tidak. Selain itu, Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang bermaksud: *Jika tiga (orang Islam) keluar bermusafir, maka lantiklah salah seorang sebagai ketua.* Ini menunjukkan betapa agama sendiri menuntut supaya kita memilih pemimpin dan tanggungjawab ini kita terjemahkan dalam sistem demokrasi Negara ini dengan kita melaksanakan tanggungjawab kita sebagai pengundi.

7. Mengundi merupakan salah satu hak rakyat dalam sesebuah negara seperti Malaysia yang mengamalkan sistem Kerajaan berbentuk demokrasi. Seseorang rakyat yang layak, mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menentukan masa depannya, keluarganya dan masyarakat. Dalam kata lain, rakyat yang menentukan Kerajaan yang memerintah. Oleh itu, keengganan atau kegagalan untuk mendaftar sebagai pemilih dan pengundi bermakna warga AGC yang berkenaan tidak menggunakan haknya sebagai rakyat.

8. Selanjutnya, janganlah kita memandang remeh hak untuk mengundi ini dan menganggap satu undi kita itu tidak penting, kerana pada hakikatnya, ia boleh menentukan sesuatu keputusan pilihan raya yang bakal menentukan masa depan kita sendiri. Ralph Waldo Emerson pernah berkata:

“Those who stay away from the election think one vote will do no good: This but one step more to think one vote will do no harm.”

So, Please Vote: It's Your Right!

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tidak kira apapun fahaman politik yang dipegang, sebagai penjawat awam, saya suka mengingatkan bahawa kita semua mempunyai kewajipan untuk berpegang teguh kepada prinsip taat setia terhadap Kerajaan yang memerintah. *You must be loyal to the government of the day.*

10. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan yang memerintah mempunyai misi, visi, objektif dan strategi pelaksanaan dasar yang khusus. Sebagai penjawat awam, kita bertanggungjawab untuk memahami aspirasi tersebut, menyokong dasar yang ditetapkan dan memberikan komitmen yang tinggi untuk melaksanakannya. Pelaksanaan tugas pula hendaklah dipandu oleh nilai dan etika yang baik seperti dedikasi, cekap, jujur, amanah, ikhlas dan berintegriti.

11. Untuk makluman hadirin sekalian, YAB Perdana Menteri semasa menyampaikan amanat tahun 2018 telah menekankan bahawa penjawat awam adalah tulang belakang kepada Kerajaan dalam memacu pembangunan dan kemajuan negara serta menjamin kebajikan dan kesejahteraan rakyat. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pada tahun 2018 adalah merupakan Tahun Kejayaan dan Keberhasilan Yang Mengagumkan. *In other words, it is the Year of Success and The Year of Impressive Result.* Antara kejayaan yang telah dicapai adalah seperti Malaysia telah muncul sebagai negara Asia yang terbaik dan di tempat yang ke-13 di dunia dalam indeks “inclusive development” *The World Economic Forum.* Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Sehubungan dengan itu, penjawat awam perlu membantu Kerajaan menjalankan pentadbiran negara dengan lebih cekap, efisien dan berintegriti supaya inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dapat sampai kepada rakyat.

12. Walaupun AGC merupakan sebuah Jabatan yang tidak memberi perkhidmatan secara langsung kepada orang awam, namun perlu diingat bahawa apa jua tindakan yang kita ambil berhubung dengan tugas kita secara langsung atau tidak langsung akan memberi kesan kepada masyarakat. Saban hari, ekspektasi rakyat terhadap Kerajaan terus meningkat. Sebagai agen pelaksana dasar Kerajaan, kita semua hendaklah menguatkan iltizam dan komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

13. Dalam hal ini, Teras Perkhidmatan Awam jelas memberikan panduan kepada kita ke arah peningkatan mutu perkhidmatan awam di negara kita. Tujuh (7) Teras Perkhidmatan Awam ini biasa kita dengar sebenarnya tanpa kita sedari. Ia merupakan Ikrar Perkhidmatan Awam yang kita lazim lafazkan paling kurang empat (4) kali setahun khususnya semasa Perhimpunan Suku Tahunan AGC dimana kita telah berikrar:

- (a) Berazam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan;
- (b) Bekerja dengan penuh tanggungjawab;
- (c) Berusaha mengikis sikap mementingkan diri sendiri;
- (d) Berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan;
- (e) Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara;
- (f) Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara; dan
- (g) Berpegang teguh kepada ajaran agama.

14. Maka, marilah sama-sama kita berusaha untuk mengotakan ikrar tersebut. Saya yakin bahawa jika setiap daripada kita mengamalkan semua nilai yang digariskan dalam Teras Perkhidmatan Awam ini, tiada sebab mengapa AGC dan perkhidmatan awam tidak boleh mencapai visi dan misi yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Saya tidak berniat untuk berucap panjang pada pagi ini. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada hadirin sekalian supaya memanfaatkan sesi pada hari ini untuk memperbaharui tekad dan memperbaiki diri dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan seterusnya meningkatkan kecintaan kepada negara Malaysia yang kita cintai ini.

16. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Sesi Pemukiman Pemantapan Kepimpinan Jabatan Peguam Negara (AGC) Tahun 2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.